

Headline	Perlukan kajian terperinci		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	4	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	176 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,237
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,711



RAMLAH

## Perlukan kajian terperinci

SHAH ALAM – Kajian mendalam perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum pengumuman wujud sebarang harta karun di sesuatu tempat dibuat.

Dekan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Ramlah Adam berkata, selagi tiada pengesahan oleh pihak terbabit dan pakar sejarah terhadap dapatan itu, ia tidak boleh terus dipercayai.

Menurutnya, sebarang bentuk laporan seperti dilaporkan sebuah akhbar mengenai harta berbilion ringgit di Pulau Nangka, Melaka perlu disertakan dengan dokumen terperinci.

"Dokumen itu bagi membuktikan laporan harta tersebut benar wujud di tempat tersebut ataupun tidak.

"Terutama melibatkan penemuan sebarang objek tinggalan purba. Lebih-lebih lagi untuk pastikan ia milik siapa," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Namun, Ramlah tidak menolak kemungkinan terdapat harta peninggalan Kesultanan Melayu Melaka kerana harta milik Sultan Mahmud, yang memerintah ketika itu diakui sangat banyak.

"Sultan Mahmud antara sultan yang kaya kerana Melaka ketika itu adalah pusat perdagangan laut yang terkenal.

"Walaupun bagaimanapun ketika itu tiada jongkong emas, yang ada mungkin harta berbentuk batu permata dan wang emas diperoleh daripada pedagang luar," katanya.

Namun beliau mempersoalkan bagaimana berita mengenai harta itu diperoleh oleh ketua menteri itu.

"Adakah pihak menteri telah jalankan kajian tersendiri. Jika benar beliau dapat maklumat daripada kumpulan pengkajinya, ia perlu disahkan dahulu," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan ia berada di pulau tersebut ketika Sultan Mahmud cuba melarikan diri daripada Portugis.

"Mungkin sempat disembunyikan di pulau itu ketika baginda lari ke Muar menuju ke Pahang seterusnya ke Palembang.

"Tetapi semua kemungkinan perlu dirujuk pada bukti kukuh dan kajian terperinci terlebih dahulu," katanya.